



## SIARAN AKHBAR

### PENUBUHAN CAWANGAN BANK OF CHINA (HONG KONG) LIMITED DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin mengumumkan bahawa kebenaran telah diberikan bagi Bank of China (Hong Kong) Limited (BOCHK) untuk menubuhkan sebuah cawangan perbankan di Negara Brunei Darussalam.
2. BOCHK adalah sebuah bank yang diperbadankan di Hong Kong dan dimiliki oleh Kumpulan Bank of China (BOC). Kumpulan BOC telah tersenarai sebagai bank keempat terbesar secara global dari segi Tier 1 *Capital* dan bank ketujuh terbesar dari segi aset menurut *The Banker* bagi tahun 2015.
3. BOCHK adalah merupakan salah sebuah kumpulan bank komersial yang terunggul dan terkemuka di Hong Kong dari segi jumlah aset dan deposit pelanggan. BOCHK dan anak-anak syarikatnya menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan kewangan kepada pelanggan *retail*, korporat dan pelanggan institusi. BOCHK adalah salah sebuah daripada tiga bank yang dibenarkan untuk mengedarkan matawang dan menjadi *Clearing Bank* bagi perniagaan pertukaran mata wang Renminbi di Hong Kong.
4. BOCHK telah diberi penarafan kredit A, A+ dan Aa3 masing-masing oleh agensi piawaian kredit Fitch IBCA, Moody's dan Standard & Poors. Berdasarkan laporan kewangan beraudit bagi tahun 2015, BOCHK memiliki aset yang berjumlah HKD 2.4 trilion (BND 414 bilion) dan dana modal jumlah HKD 198 billion (BND 35 bilion).
5. AMBD berpendapat bahawa penubuhan operasi perbankan BOCHK di negara ini akan memberikan kesan positif kepada ekonomi tempatan yang mana adalah juga selaras dengan pelan strategik AMBD, khususnya dalam mengalu-alukan institusi-institusi kewangan yang terkemuka untuk beroperasi di Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, penubuhan operasi perbankan BOCHK ini juga akan dapat membantu merangsang persaingan yang kompetitif di antara bank-bank yang sedia ada dalam industri perbankan di Negara ini.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 11 Rejab 1437 / 19 April 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/2016/3